

## **PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA MELAYU KANAK-KANAK IBAN MELALUI LAGU *DIDI & FRIENDS***

***Mastery of Malay Language Vocabulary by Iban Children through Didi & Friends Songs***

Patricia Antai Robin<sup>1</sup>, Mahizer Hamzah<sup>2\*</sup>, Madeline Pandang<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>3</sup>Tabika Kemas Nanga Meluan B, 96600 Julau, Sarawak, Malaysia

patriciarobin10@gmail.com<sup>1</sup>, mahizer@fpm.upsi.edu.my<sup>2</sup>, mc.dlyncs@gmail.com<sup>3</sup>

\* Corresponding Author

Received: 27 Oktober 2020; Accepted: 08 Disember 2020; Published: 14 Disember 2020

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan menentukan keberkesanan penggunaan lagu *Didi & Friends* dalam membantu penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak Iban. Kajian ini dijalankan di salah sebuah tabika di daerah Julau, Sarawak, dan melibatkan dua orang kanak-kanak perempuan Iban yang berumur empat tahun untuk menentukan tahap penguasaan Bahasa Melayu kanak-kanak Iban sebelum dan selepas penggunaan lagu *Didi & Friends*. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kes. Kaedah kajian yang digunakan bagi pengumpulan data ialah pemerhatian menggunakan borang pemerhatian dan temu bual. Borang pemerhatian yang digunakan bertujuan untuk mengenal pasti kosa kata yang dapat dikuasai oleh kanak-kanak sebelum dan selepas penggunaan lagu *Didi & Friends*, manakala temu bual pula dijalankan bertujuan untuk mendapatkan pandangan guru mengenai penguasaan kosa kata kanak-kanak melalui lagu *Didi & Friends*. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan lagu *Didi & Friends* berkesan dalam membantu kanak-kanak Iban menguasai kosa kata Bahasa Melayu.

**Kata kunci:** kosa kata, Bahasa Melayu, kanak-kanak Iban, lagu kanak-kanak, didik hibur

### **ABSTRACT**

*This research was conducted to determine the effectiveness of using Didi & Friends songs in helping Iban children mastering Malay language's vocabulary. This research was conducted at one of the kindergarten in Julau district, Sarawak and involved two Iban girls aged four years old to determine their level of mastery in Malay language before and after use of Didi & Friends songs. The research design of this research is case studies. The method research used to collect data are observations using observations form and interview. Observation forms are used to identify children's mastered vocabulary before and after use of Didi & Friends songs while interview was conducted to obtain teacher's view on mastery of vocabularies by children through Didi & Friends songs. The result shows that the use of Didi & Friends songs are effective on helping Iban children mastering Malay language vocabulary.*

**Keywords:** vocabulary, Malay language, Iban children, children song, fun learning

## PENGENALAN

Bahasa merupakan satu medium perhubungan yang membolehkan proses komunikasi berlaku antara dua pihak atau lebih khasnya semasa proses pembelajaran berlangsung yang melibatkan interaksi antara guru dan kanak-kanak serta kanak-kanak dengan kanak-kanak. Kajian ini memfokuskan penggunaan dan penguasaan Bahasa Melayu dari aspek kosa kata bagi kanak-kanak Iban untuk membantu kanak-kanak menguasai bahasa kedua dengan menggunakan kaedah lagu *Didi & Friends* yang berbentuk didik hibur. Sungguhpun Bahasa Melayu jarang sekali digunakan dalam perbualan sehari-hari, namun persamaan bahasa mahupun ejaan bagi sesetengah kosa kata Bahasa Melayu dengan Bahasa Iban membantu sedikit sebanyak penguasaan kosa kata kanak-kanak. Ilango *et al.* (2014) memperlihatkan bahawa kedua-dua bahasa ini mempunyai banyak persamaan dari segi kosa kata dan struktur ayat berdasarkan kajian mereka terhadap penggunaan bahasa ibunda dalam membantu pengajaran Bahasa Melayu. Hal ini disokong oleh Noriah dan Rohani (2004) dalam kajian mereka yang menjelaskan bahawa penutur natif bahasa Melayu yang pernah mendengar orang Iban bertutur akan mengenal pasti sesetengah kosa kata Bahasa Iban kelihatan atau berbunyi lebih kurang sama dengan kosa kata dalam bahasa Melayu.

Oleh yang demikian, bagi membantu kanak-kanak menguasai kosa kata Bahasa Melayu dengan baik, bahan pembelajaran berdasarkan teknologi dan media seperti lagu kanak-kanak giat diperkenalkan serta digunakan oleh guru bagi memudahkan proses pembelajaran bahasa dan kosa kata kanak-kanak. Norehan dan Rozita (2016) menegaskan bahawa multimedia sememangnya banyak mempengaruhi corak pemerolehan bahasa kanak-kanak. Penggunaan bahan media seperti lagu yang boleh menarik perhatian kanak-kanak bukan sahaja menerbitkan suasana pembelajaran yang seronok malah mampu membantu penguasaan kosa kata kanak-kanak. Zaharah (2016) ada menyatakan bahawa kanak-kanak dapat belajar kosa kata semasa menyanyikan lagu disamping mereka bergembira.

## Penyataan Masalah

Kebolehan untuk menguasai dan menggunakan Bahasa Melayu baik semasa sesi pembelajaran atau kehidupan sehari-hari bagi kanak-kanak Iban dalam kawasan pedalaman merupakan satu kelebihan yang dimiliki berbanding kanak-kanak lain. Namun, sebagai penutur jati Bahasa Iban (bahasa ibunda kanak-kanak Iban), penggunaan Bahasa Melayu sangat jarang digunakan kecuali semasa proses pembelajaran. Proses pembelajaran yang masih lagi diamalkan secara *chalk and talk* pula di tabika dan sekolah luar merupakan satu kekangan untuk kanak-kanak mempelajari Bahasa Melayu dengan lebih mendalam disebabkan oleh masalah jaringan internet serta kemudahan teknologi.

Tambahan pula, faktor sosial kanak-kanak mempengaruhi kebolehan kanak-kanak untuk menguasai Bahasa Melayu dengan baik kerana bahasa ibunda masih menjadi medium bahasa utama yang sering digunakan semasa perbualan baik dengan rakan, ibu bapa, guru dan masyarakat. Faktor ini menyebabkan kanak-kanak kurang pendedahan dengan Bahasa Melayu dan apabila perbualan dimulakan dengan Bahasa Melayu, kanak-kanak yang tidak biasa mendengarnya tidak tahu bagaimana untuk menyertai perbualan. Hal ini demikian kerana bahasa ibunda agak berbeza dengan Bahasa Melayu walaupun ada persamaan kata namun mempunyai perbezaan makna. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian oleh Dayang dan Wan Ruzanna (2017) yang mendapati penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua oleh masyarakat Iban merupakan satu masalah pembelajaran apabila bahasa ibunda yang

dituturkan berlainan daripada Bahasa Melayu sekolah. Pernyataan ini turut disokong oleh Ilangko *et al.* (2014) yang menyatakan bahawa keadaan persekitaran yang kurang menggalakkan juga menjadi punca terhadapkekangan penggunaan Bahasa Melayu. Hal ini kerana kanak-kanak Iban menerima bahasa ibunda sejak lahir dan menggunakananya sepenuhnya dalam perbualan seharian baik semasa pendidikan formal atau tidak formal.

Namun begitu, walaupun kanak-kanak Iban masih belum dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik, mereka mahu untuk mempelajarinya. Hal ini dibuktikan oleh Jerie dan Zamri (2011) dalam kajian mereka mendapati murid-murid Iban sekolah rendah mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Penguasaan Bahasa Melayu ini amat penting untuk kanak-kanak Iban memahami mesej yang disampaikan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Iban (bahasa ibunda) dan Bahasa Melayu (Bahasa kedua) bagi memastikan mereka boleh menerima keterangan akan sesuatu perkara tanpa tercicir informasi penting serta boleh menginterpretasikannya kepada masyarakat. Kanak-kanak yang mempunyai penguasaan bahasa yang baik boleh berinteraksi dengan masyarakat dengan betul, berkesan dan tepat (Peng Chew, & Fikri Ismail, 2020).

## **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk;

- i. menentukan tahap penguasaan Bahasa Melayu kanak-kanak sebelum menggunakan kaedah lagu *Didi & Friends*, dan
- ii. menentukan keberkesanan penggunaan kaedah lagu *Didi & Friends* terhadap penguasaan (sebut dan faham) kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak.

## **Kajian Literatur**

Kaedah pengajaran bahasa yang berkesan merangkumi pelbagai aspek dan strategi yang boleh digunakan untuk kemenjadian didik hibur atau lebih dikenali dengan *fun learning* semasa berlangsungnya sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Pendekatan didik hibur ini menurut Mohd Razak dan Masitah (2015) merupakan satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat santai dan berhibur seperti permainan, nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi yang dirancang secara sistematik. Owing *et al.* (2018) pula menyatakan antara teknik pendekatan didik hibur yang boleh guru gunakan adalah seperti nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi dan ini sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang berhasrat untuk melahirkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani emosi dan intelek. Oleh yang demikian, kaedah nyanyian digunakan dalam kajian ini untuk menentukan keberkesanan penggunaan lagu *Didi & Friends* terhadap penguasaan kosa kata kanak-kanak Iban.

Menurut Asmah dan Rosline (2018) dalam buku Fonologi Bahasa Iban, teori Behavioristik yang dipelopori oleh Skinner mengatakan bahawa kanak-kanak memperoleh bahasa dengan meniru (*imitate*) percakapan orang-orang disekelilingnya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa persekitaran kanak-kanak penting untuk membantu pemerolehan dan pembelajaran bahasa kanak-kanak. Berbeza dengan Teori Behavioris, Teori Mentalis yang diasaskan oleh Noam Chomsky pula mengatakan bahawa kanak-kanak semulajadi mempunyai *Language Acquisition Device (LAD)* bagi membantu kanak-kanak untuk

mempelajari dan memahami bahasa dari persekitaran mereka yang membolehkan mereka dapat belajar serta menguasai bahasa kedua. Ini boleh dikaitkan dengan tajuk kajian iaitu kanak-kanak menguasai kosa kata melalui nyanyian lagu *Didi & Friends* sambil membuat pergerakan berdasarkan gerak tari dalam video lagu *Didi & Friends* bagi membolehkan kanak-kanak faham dan dapat belajar bahasa. Melalui kajian ini, kanak-kanak akan dapat mengingat dan faham akan kosa kata apabila intervensi yang digunakan atau lagu kanak-kanak dimainkan berulangkali. Kaedah ini juga membolehkan kanak-kanak mengimitasi pergerakan dan sebutan perkataan melalui visual dan pendengaran bagi membolehkan mereka membuat pergerakan kreatif semasa sesi PdPc.

Menyentuh tentang kosa kata, pengajaran kosa kata menggunakan lagu sememangnya menjadi sebahagian daripada strategi guru dalam PdPc untuk membantu kanak-kanak khasnya kanak-kanak belajar kosa kata dengan berkesan dan bahasa yang mudah untuk difahami mereka. Hal ini dibuktikan dengan hasil kajian Muhammad Alif Redzuan dan Sanimah (2018), dan Erni (2018) terhadap pengajaran kosa kata menggunakan media lagu menunjukkan bahawa proses pembelajaran kosa kata menggunakan media lagu jauh lebih baik berbanding model pembelajaran konvensional di mana kanak-kanak tidak merasa bosan dan bermotivasi semasa proses pembelajaran kosa kata.

## **METODOLOGI**

### **Reka bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini adalah kajian kes. Menurut Chua (2014), kajian kes dilaksanakan secara menyeluruh (holistik) untuk memberi penjelasan kepada sesuatu peristiwa yang berlaku secara mendalam, dengan mengemukakan persoalan “Bagaimana”, “Bila”, dan “Mengapa”. Menurut beliau juga, reka bentuk kajian kes ini melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai tingkah laku individu atau perubahan keadaan sosial berlaku.

### **Sampel kajian**

Sampel kajian ini terdiri daripada dua orang kanak-kanak perempuan Iban, dan seorang guru untuk melaksanakan temu bual.

### **Instrumen Kajian**

#### ***Borang Pemerhatian Kosa Kata***

Borang pemerhatian sebagai instrumen kajian ini digunakan untuk mengetahui tahap penguasaan kanak-kanak sebelum dan selepas penggunaan lagu *Didi & Friends* bagi merekod kosa kata yang diperolehi mereka. Pengkaji menggunakan borang ini untuk mencatat jumlah kosa kata yang kanak-kanak dapat kuasai melalui lagu untuk menentukan hasil kajian. Dalam borang ini, terdapat beberapa maklumat penting sebagai panduan pengkaji untuk menjalankan pemerhatian seperti tarikh, hari, sesi, durasi, aktiviti, kosa kata yang boleh dikuasai, jumlah kosa kata yang dikuasai, isu dan cadangan agar segala maklumat penting tidak ketinggalan dan dijadikan sebagai rujukan pada akhir kajian nanti. Pengkaji

menggunakan borang yang sama untuk pemerhatian semasa tinjauan awal dan pelaksanaan kajian. Salinan Borang Pemerhatian ini juga akan diserahkan kepada ibu bapa dan guru sebagai panduan mereka untuk penambahbaikan bagi membantu kanak-kanak menguasai kosa kata Bahasa Melayu dengan mudah baik melalui lagu, video, bercerita dan sebagainya. Sebagai langkah untuk menjaga sensitiviti kanak-kanak, borang pemerhatian yang disediakan oleh pengkaji telah mendapat kesahan daripada pakar untuk digunakan semasa kajian dijalankan.

### **Pemerhatian**

Pemerhatian dilaksanakan dua kali untuk melihat perbezaan sebelum dan selepas penggunaan lagu *Didi & Friends* dalam membantu penguasaan kosa kata Bahasa Melayu. Pengkaji melakukan tinjauan awal terdahulu sebelum pemerhatian sebenar untuk tujuan pengerekodan data. Semasa pelaksanaan kajian sebenar, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian turut serta untuk menyelami kebolehan dan kelemahan kanak-kanak untuk menguasai kosa kata Bahasa Melayu.

### **Temu Bual**

Temu bual dijalankan bersama guru untuk mendapatkan persepsi beliau mengenai penggunaan lagu *Didi & Friends* dalam membantu penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak. Temu bual ini direkod dan disimpan untuk ditranskripsi sebagai panduan oleh pengkaji secara personal untuk merumuskan hasil dapatan kajian bagi menyokong dapatan yang diperolehi semasa pemerhatian yang disediakan. Pada akhir kajian, audio temu bual yang direkod ditranskripsi dan dilampirkan di halaman lampiran. Soalan temu bual yang disediakan oleh pengkaji telah dibuat pengesahan oleh pakar sebelum membuat kajian.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

#### ***Prosedur Pengumpulan Data Menggunakan Borang Pemerhatian***

Pengkaji menggunakan borang pemerhatian ini untuk merekod kosa kata yang dikuasai dan dituturkan oleh kanak-kanak semasa pemerhatian. Sebelum melaksanakan pemerhatian, pengkaji memaklumkan guru dan kanak-kanak bahawa setiap kosa kata yang dituturkan oleh kanak-kanak direkod bagi tujuan mengenalpasti tahap penguasaan Bahasa Melayu kanak-kanak.

#### ***Prosedur Pengumpulan Data Rakaman***

Sebelum memulakan rakaman video bagi tujuan pemerhatian dan audio bagi tujuan temu bual bersama guru, pengkaji memaklumkan guru terlebih dahulu untuk persediaan bagi menjaga privasi guru dan kanak-kanak. Rakaman percubaan telah dilakukan oleh pengkaji untuk kanak-kanak membiasakan diri melakukan aktiviti agar tidak kekok dan terkawal seperti aktiviti kelas biasa.

## Kaedah Analisis Data

Selepas pengumpulan data, pengkaji menggunakan perisian *Microsoft Excel* dan *Microsoft Words* untuk menterjemahkan data yang diperoleh berdasarkan pemerolehan data pemerhatian. Data yang dianalisis digunakan untuk menjawab persoalan berkaitan tahap keberkesanannya penggunaan lagu *Didi & Friends* sebelum dan selepas dalam membantu penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak.

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak sebelum Menggunakan Kaedah Lagu *Didi & Friends*

Penguasaan kosa kata Bahasa Melayu oleh kanak-kanak Iban melalui lagu *Didi & Friends* dikenalpasti menggunakan kaedah pemerhatian turut serta di mana pengkaji turut mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan untuk mengetahui kebolehan kanak-kanak Iban menguasai kosa kata Bahasa Melayu. Kaedah temu bual bersama guru pula adalah bagi mendapatkan respon dan pendapat guru mengenai penggunaan lagu *Didi & Friends* dalam membantu penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak semasa sesi PdPc. Proses kutipan data ini melalui dua peringkat iaitu tinjauan awal terhadap kanak-kanak dan temu bual awal bersama guru bagi menentukan tahap penguasaan Bahasa Melayu kanak-kanak sebelum penggunaan lagu *Didi & Friends* semasa PdPc bagi mengenalpasti keberkesanannya dalam membantu meningkatkan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak.

Hasil analisis berdasarkan pemerhatian awal, pengkaji mendapati tahap penguasaan Bahasa Melayu kanak-kanak Iban di tabika ini masih lemah. Hal ini dapat dilihat apabila Cikgu A menterjemahkan percakapan beliau ke dalam Bahasa Iban semasa mengajar. Menurut Cikgu A semasa temu bual awal dilakukan, penguasaan Bahasa Melayu kanak-kanak di tabika ini masih lemah dan memerlukan bimbingan dengan menggunakan terjemahan bahasa yang boleh mereka faham bagi membantu mereka faham serta boleh menggunakan (menyebut) semasa aktiviti PdPc amnya. Tambahan pula menurutnya, kanak-kanak cenderung menggunakan bahasa ibunda berbanding Bahasa Melayu di dalam kelas. Pengkaji mendapati ada kanak-kanak boleh bertutur menggunakan Bahasa Melayu namun disebabkan oleh kanak-kanak lain tidak memahaminya semasa berbual, maka kanak-kanak tersebut menggunakan bahasa ibunda bagi membolehkan kanak-kanak lain dapat berkomunikasi dengannya semasa melakukan aktiviti.

### Keberkesanannya Penggunaan Kaedah Lagu *Didi & Friends* terhadap Penguasaan (Sebut dan Faham) Kosa Kata Bahasa Melayu Kanak-kanak

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis pemerhatian yang telah dilakukan terhadap kanak-kanak dengan menggunakan borang senarai semak. Simbol (✓) menunjukkan kosa kata anggota badan tersebut boleh dikuasai (sebut dan faham) oleh kanak-kanak manakala simbol (X) pula menunjukkan kosa kata tersebut tidak dapat dikuasai sepenuhnya oleh kanak-kanak. Bagi simbol (\*) pula menunjukkan bahawa kanak-kanak faham akan kosa kata tersebut namun tidak menyebutnya atau sebaliknya iaitu menyebut namun tidak menunjukkan bahagian anggota badan tersebut.

### Jadual 1

#### *Analisis Pemerhatian terhadap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu Kanak-kanak Sebelum dan Selepas Penggunaan Lagu Didi & Friends*

Item	Aspek Pemerhatian (Kosa Kata Anggota Badan)	Sampel A		Sampel B	
		Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas
1	kepala	*	✓	*	✓
2	bahu	X	*	X	✓
3	lutut	X	X	X	X
4	kaki	✓	✓	✓	✓
5	mata	✓	✓	✓	✓
6	telinga	X	X	X	✓
7	mulut	✓	✓	✓	✓
8	hidung	*	✓	*	✓
9	tangan	X	*	X	*
10	badan	X	X	X	X
11	pinggang	X	X	X	✓

Berdasarkan hasil analisis pemerhatian awal iaitu sebelum penggunaan lagu *Didi & Friends*, Sampel A dan B masing-masing dapat menguasai 3 daripada 11 (27.3%) kosa kata anggota badan yang disediakan oleh pengkaji berdasarkan lirik lagu *Didi & Friends* iaitu Item 4 “kaki”, Item 5 “mata” dan Item 7 “mulut” kerana item-item ini mempunyai persamaan sebutan dan makna dengan anggota badan dalam Bahasa Iban.

Manakala selepas penggunaan lagu *Didi & Friends*, ringkasnya Sampel A dan Sampel B menunjukkan peningkatan yang baik dan memberansangkan selepas tinjauan awal di mana Sampel A dapat menguasai 5 daripada 11 (45.5%) kosa kata anggota badan di mana ia menunjukkan peningkatan penguasaan kosa kata sebanyak 18.2% berbanding semasa tinjauan awal manakala Sampel B pula dapat menguasai 8 daripada 11 (72.7%) kosa kata anggota badan tersebut dengan peningkatan sebanyak 45.4%.

Penggunaan lagu *Didi & Friends* jelas menunjukkan keberkesanannya dalam membantu penguasaan kosa kata (anggota badan) Bahasa Melayu oleh kanak-kanak Iban walaupun mengambil masa yang singkat. Teknik pengulangan lirik lagu yang terdapat dalam lagu ini juga mendorong kepada keberkesanan penggunaan lagu dalam membantu penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak.

Temu bual bersama guru tabika juga turut dijalankan bagi mendapatkan pandangan beliau tentang penggunaan lagu *Didi & Friends* terhadap penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak Iban di tabika ini. Hasil maklumat yang diperolehi daripada temu bual ini dijadikan sebagai sokongan kepada daptatan yang diperolehi.

Berdasarkan analisis daptatan temu bual, pengkaji bertanyakan soalan kepada Cikgu A iaitu “*Adakah cikgu tahu tentang lagu Didi & Friends?*”. Cikgu A memberitahu, “*Aaa tahu, lagu ni tahu sebab selalu buka aa didengar anak di sekolah. Saya pernah memainkan mereka lagu ni terutama sekali awal tahun dulu lagu ABC sebab sebutan jelas. Aaa.. memang selalu buka ni untuk kanak-kanak terdahulu juga sama aaa. Tapi kadang bila tak ada internet tu lah masalah kami di sini. Bila tak ada internet tak dapat buka, bila ada internet dapat buka.*”

Melalui hasil temu bual bersama Cikgu A, pengkaji mendapati Cikgu A tahu tentang lagu *Didi & Friends* dan selalu memainkannya di dalam kelas. Namun, menurut beliau juga, kekangan sambungan rangkaian internet di sekolah menyebabkan penggunaan lagu *Didi & Friends* kadangkala tidak dapat digunakan. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa Cikgu A pernah mendengar dan biasa menggunakan lagu *Didi & Friends* untuk dimainkan dalam kelas untuk kanak-kanak berhibur dan belajar.

Seterusnya, untuk soalan temu bual “*Adakah cikgu pernah mendengar lagu Didi & Friends? Sekiranya ya, apa pandangan cikgu mengenai lagu tersebut dari sudut pembelajaran kanak-kanak?*”. Cikgu A menjawab, “*Oh.. ada. Tu lah, pada pendapat saya memang ada banyak membantu lah. Sebab dia sebutan dia jelas, dia mengajar kanak-kanak aa.. dia dari aa.. perlahan ke laju. Dia ada fasa yang tersendiri. Oleh itu kanak-kanak dapat ikut perlahan perlahan perlahan.. lama kelamaan mereka mendengar, mereka boleh faham la.*”

Daripada temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa lagu *Didi & Friends* banyak membantu kanak-kanak belajar berdasarkan penjelasan Cikgu A. Menurut beliau juga, lagu *Didi & Friends* ini mempunyai sebutan yang jelas dan tempo yang boleh diikuti oleh kanak-kanak kerana lagu ini mempunyai perkembangan fasa dari perlahan ke laju yang akhirnya dapat membantu kanak-kanak faham apabila sering mendengar lagu tersebut. Oleh itu, berdasarkan hasil temu bual tersebut, pengkaji mendapati bahawa lagu *Didi & Friends* sangat membantu dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Muzik dan rentak lagu *Didi & Friends* yang banyak didapati dalam bentuk pengulangan khasnya lirik lagu, ia dapat membantu kanak-kanak faham akan mesej lagu tersebut meskipun belum tahu untuk menuturkannya (menyebut).

Bertanyakan tentang respon kanak-kanak untuk soalan, “*Bagaimana penerimaan anak didik puan mengenai lagu Didi & Friends?*”, Cikgu A menjawab, “*Kanak-kanak ni, dia memang suka muzik. Kalau kamu mainkan muzik, mainkan lagu.. dia suka. Tapi kadang-kadang mereka mendengar muzik lag.. dari lagu-lagu tersebut, minat. Tapi sebab mereka masalah kami sekarang, kanak-kanak 4 tahun ni dia tak dapat.. belum dapat bercakap dengan.. dengan jelas. Aaa sebutan. Jadi kadang-kadang mereka belum tentu tahu menyebut.. Cuma ikut ikut. Aaa.. sebab tu saya bagitau sedikit sebanyak ia ada membantu lah.*”

Melalui hasil temu bual tersebut, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa lagu *Didi & Friends* dapat membantu kanak-kanak belajar sebutan walaupun masih belum bercakap dengan jelas. Hal ini dapat dibuktikan apabila Cikgu A menyatakan bahawa kanak-kanak belajar menyebut dengan mengikut lagu di mana lagu *Didi & Friends* ini sedikit sebanyak membantu kanak-kanak belajar sebutan melalui lagu. Penerimaan kanak-kanak terhadap lagu ini pula mengikut respon Cikgu A, ia dapat menarik minat kanak-kanak dan mereka menyukainya. Hal ini demikian kerana kanak-kanak mudah tertarik dengan muzik dan ia mampu untuk membantu mereka belajar. Pengkaji dapat merumuskan bahawa lagu *Didi & Friends* ini mempunyai peranan penting dalam membantu kanak-kanak belajar sebutan khasnya kosa kata mahupun suku kata. Secara tidak langsung, kanak-kanak dapat menguasai kosa kata Bahasa Melayu sedikit demi sedikit dan akhirnya dapat menggunakanannya dalam perbualan sehari-hari mereka.

Tambahan kepada analisis soalan temu bual tersebut, pengkaji turut mendapatkan respon Cikgu A mengenai, “*Sekiranya diberi pilihan, Didi & Friends dan Upin Ipin, yang*

*mana satu cikgu guna? Dan kenapa cikgu pilih tu?”. Cikgu A juga menjelaskan, “Pada saya, Didi & Friends ni memang bagus. Sebab saya selalu guna tu.. untuk anak saya sendiri pun saya ada, kanak-kanak pun ada sebab saya suka.. satu dia mengajar dari perlahan... tahap ke tahap, dari laju perlahan. Laju lagi, laju lagi aaa. Lagi satu saya suka pasal tu sebab kanak-kanak ni memerlukan fasa 1, 2, 3, 4 macam tu. Lepastu sebutan dia bagus. Ada membantu sebab dia ada buat pergerakan. Contoh macam kamu buat pergerakan. Macam lagu tadi, kepala bahu lutut kaki tu sekurang-kurangnya membantu kanak-kanak.. dia tahu.. Dia boleh menyebut dan dia tahu benda tu. Lalu dia faham juga benda tu. Macam tu.”.*

Berdasarkan hasil temu bual bersama Cikgu A, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa lagu *Didi & Friends* ini mempunyai satu keistimewaan dan kelebihan yang tiada pada lagu kanak-kanak lain. Pentingnya lagu *Didi & Friends* sebagai pilihan Cikgu A, ia sangat membantu kanak-kanak untuk menguasai kosa kata tersebut. Hal ini dibuktikan dengan pernyataan Cikgu A di mana beliau menyatakan bahawa lagu *Didi & Friends* yang dirungi dengan pergerakan dapat membantu kanak-kanak untuk tahu dan boleh menyebut kosa kata seperti “kepala, bahu, lutut, kaki”. Apabila kanak-kanak boleh menyebut kosa kata tersebut, ia membolehkan mereka juga faham tentang benda itu. Hal ini demikian kerana kanak-kanak belajar sesuatu melalui pemerhatian mereka terhadap apa yang di hadapan. Kanak-kanak memerhati, meniru dan mengambil bahagian untuk menyelami sendiri pengalaman bagi membantu mereka belajar sesuatu di luar kebolehan mereka.

## **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

Berdasarkan hasil analisis dapatan kajian melalui pemerhatian yang telah pengkaji jalankan semasa tinjauan awal, tahap penguasaan Bahasa Melayu kanak-kanak Iban di tabika ini masih lemah walaupun dapatan kajian menunjukkan peningkatan penguasaan kosa kata kanak-kanak. Hal ini demikian kerana setiap percakapan yang menggunakan Bahasa Melayu sangat perlu diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda bagi membolehkan kanak-kanak faham. Ini jelas menunjukkan bahawa bahasa ibunda mempengaruhi penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak di mana setiap terjemahan kosa kata tersebut membolehkan kanak-kanak tahu dan mengenal sesuatu objek dan perkara. Dapatan ini selari dengan dapatan Ilangko *et al.* (2014) yang mengatakan bahawa Bahasa Melayu lebih mudah dipelajari murid dengan menggunakan bahasa ibunda. Bahasa Iban mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan Melayu di mana ada sesetengah kosa kata anggota badan yang mempunyai persamaan.

Keberkesanan penggunaan kaedah lagu *Didi & Friends* ini dapat dilihat melalui perkembangan dan penglibatan kanak-kanak yang pada awalnya lagu ini dimainkan, mereka memerhati terlebih dahulu pergerakan yang ada dalam lagu tersebut sebelum membuat pergerakan dan kemudiannya menyanyi bersama sambil membuat pergerakan. Dapatan ini selari dengan Zaharah (2016) yang menyatakan bahawa “muzik dapat meningkatkan tingkah laku kanak-kanak iaitu seperti kerjasama, interaksi sosial dan bahasa kanak-kanak”. Hal ini menunjukkan bahawa media mempunyai peranan yang penting dalam perkembangan kanak-kanak baik dari segi bahasa, emosi, fizikal dan sosial kanak-kanak seperti pernyataan Ani (2012) dalam kajian beliau di mana beliau menyatakan bahawa “multimedia boleh digunakan sebagai media pendidikan yang berkesan termasuklah dalam percambahan emosi kanak-kanak.” Ismail *et al.* (2019) juga berpendapat bahawa “perkembangan tahap pemikiran dan kreativiti kanak-kanak harus dipupuk sejak kecil”.

Penggunaan lagu *Didi & Friends* ini meninggalkan impak yang positif dalam diri kanak-kanak. Bukan sahaja ia membantu dari segi perkembangan bahasa kanak-kanak, malah ia juga membantu dalam perkembangan emosi, sosial dan fizikal mereka. Hasilnya, kanak-kanak yang pada awalnya pemalu sebelum lagu *Didi & Friends* dimainkan oleh pengkaji, mereka sudah boleh berkomunikasi dengan rakan dan guru mengenai pergerakan yang terdapat dalam lagu *Didi & Friends* tersebut. Mereka boleh mengimitasi pergerakan *Didi & Friends* dan kemudiannya belajar menuturkan kosa kata yang terdapat dalam lagu. Riak wajah yang ceria dan gembira pada wajah kanak-kanak sedikit sebanyak membantu keberjayaan penggunaan lagu *Didi & Friends* dalam membantu penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak.

Pembelajaran abad ke 21 (PAK21) memerlukan pelaksanaan strategi PdPc yang berkesan dan berpusatkan murid. Memetik penyataan Mahizer dan Mohd Azli (2018), aktiviti pembelajaran yang akan dilaksanakan haruslah mengimplikasikan sumber teknologi yang menarik dan terkini bagi memastikan kemenjadian PAK21. Melalui penggunaan lagu *Didi & Friends* sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan Bahan Bantu Belajar (BBB), guru dapat menyelesaikan masalah mudah kanak-kanak seperti yang dialami guru tabika ini. Penggunaan lagu sebagai BBM dan BBB kanak-kanak dapat membantu guru memberikan gambaran yang jelas kepada kanak-kanak di mana lagu *Didi & Friends* hampir kesemuanya mempunyai pergerakan dan menyimpan makna yang boleh dipelajari kanak-kanak seawal usia satu tahun. Nyanyian yang diiringi pergerakan juga membolehkan guru menerangkan perkara yang berkaitan dengan topik pembelajaran dengan mudah dan disenangi kanak-kanak.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penggunaan lagu *Didi & Friends* sebagai kaedah pengajaran kosa kata Bahasa Melayu memberi impak yang positif terhadap kanak-kanak dan penerimaan guru tentang lagu ini. Bukan sahaja lagu *Didi & Friends* mampu meningkatkan perkembangan emosi kanak-kanak malah ia juga mampu membantu penguasaan kosa kata dan pembelajaran bahasa yang berkesan bagi kanak-kanak Iban yang bukan penutur natif Bahasa Melayu. Justeru, pengkaji berharap agar kajian ini dapat memberi sumbangan kepada guru Pendidikan Awal Kanak-kanak dan guru sekolah rendah yang mempunyai masalah pengajaran bahasa kepada kanak-kanak-kanak yang bukan penutur natif Bahasa Melayu.

## RUJUKAN

- Ani Omar. (2012). *Kesusasteraan dan peranan puisi dalam kehidupan kanak-kanak*. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 1, 87 - 121. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/755>
- Asmah, & Rosline. (2018). *Fonologi bahasa Iban*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- Dayang, & Wan Muna Ruzanna. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 74-84.
- Erni Mahyudin. (2018). Pengajaran kosakata bahasa Arab bagi anak-anak dengan media lagu. *MUTSAQQAFIN: Jurnal Pendidikan Islam dan Bahasa Arab*, 1(01), 65-84.
- Ilangko Subramaniam, Noorulafiza Abdul Muthalib, & Siti Nor Hamahida Zainal. (2014). *Penggunaan bahasa ibunda dalam pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi di sekolah pedalaman Sarawak*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 65-74.
- Ismail, H., Abdul, M. A., & Mohamad, I. (2019). The effect of Islamic visual art education on social development of preschool children. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 1-7.

- Jerie Peter Langan, & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 13-25.
- Mahizer Hamzah, & Mohd Azli Yeop. (2018). Frog VLE (persekitaran pembelajaran maya) dalam pengajaran dan pembelajaran: Penerimaan dan kaedah pelaksanaannya. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 6(2), 67-77.  
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JRPPTTE/article/view/227>
- Mohd Razak Mohd Nordin, & Masitah Ahmad. (2015). Pendekatan Didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan terhadap sikap dan minat murid orang asli di negeri Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 9, 77-90.
- Muhammad Alif Redzuan Abdullah, & Sanimah Hussin. (2018). Penggunaan lagu dalam meningkatkan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(2), 279-288.
- Norehan, & Rozita. (2016). Pemerolehan bahasa bukan verbal oleh kanak-kanak melalui aplikasi multimedia. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11, 51-67.
- Noriah Mohamed, & Rohani Mohd. Yusof. (2004). Persamaan dan kemiripan bahasa: Perbandingan kosa kata dasar 10 bahasa Austronesia di Sarawak. *Jurnal Bahasa*, 4(2), 278-359.
- Owing, J. S., Azhar Md. Sabil, & Shamsudin Othman. (2018). *Tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Peng Chew, F., & Fikri Ismail, M. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(1), 14-25.  
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/3400>
- Zaharah Osman. (2016). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 5, 49-60.  
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/87>.